

10/06/1997

Komponen BN sedia contohi Umno

KUALA LUMPUR, Isnin - Pemimpin komponen Barisan Nasional (BN) hari ini sedia mencontohi Umno untuk memerangi rasuah dalam parti, termasuk melarang wakil rakyat yang terbabit, menjadi calon dalam pilihan raya umum akan datang.

Mereka turut mengalu-alukan ketegasan kerajaan memerangi rasuah sekarang dan berharap ia dapat membersihkan kerajaan daripada pemimpin yang terbabit dengan gejala itu.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata MCA tidak akan memberi tempat kepada pemimpin terbabit, sama ada dalam parti atau kerajaan.

Beliau bagaimanapun mahu tindakan tegas turut dikenakan terhadap parti pembangkang terutama yang kerap mengutip derma tanpa mengemukakan sebarang laporan audit.

"Saya dapati pemimpin parti pembangkang kerap mengutip derma secara tidak bertanggungjawab iaitu tanpa resit, tanpa akaun bank dan laporan bagaimana ia dibelanjakan.

"Ada parti pembangkang yang kutip duit untuk kempen Bukit Cina dan baru-baru ini, kutip duit untuk membayar pampasan yang diperintahkan oleh mahkamah kepada saya.

"Saya harap Badan Pencegah Rasuah (BPR) turut bertindak terhadap parti pembangkang," katanya selepas melawat projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang, hari ini.

Dr Ling berkata, kerajaan bertindak bagi membersihkan negara daripada rasuah dan penyelewengan di semua peringkat termasuk parti komponen BN dan kakitangan kerajaan.

Semalam, Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, hanya pemimpin yang bersih akan diberi peluang bertanding sebagai ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) atau dipilih memegang jawatan dalam parti.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi pula berkata, usaha memerangi rasuah harus merangkumi pegawai tinggi kerajaan serta pemimpin parti komponen BN, bukannya tertumpu kepada pemimpin Umno sahaja.

Sementara itu, Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik pula berkata, parti itu akan memastikan calon yang bertanding dalam mana-mana pilihan raya bukan sahaja tidak terbabit dalam rasuah malah harus kelihatan bersih.

"Sebagai rakan dalam BN, kita menyokong usaha Perdana Menteri dan timbalannya untuk menghapus rasuah. Dalam mesyuarat Jawatankuasa Pusat Gerakan Sabtu ini, kita bincang isu rasuah.

"Kami mahu memastikan semua pemimpin dalam Gerakan tidak terbabit. Adun dan ahli Parlimen yang menyalahguna peruntukan kewangan bagi pembangunan juga adalah rasuah," katanya.

Dr Lim berkata, sementara Exco Gerakan di peringkat negeri mengisytiharkan harta kepada Menteri Besar dan Ketua Menteri, pemimpin di peringkat Pusat juga perlu berbuat demikian kepada Perdana Menteri.

Naib Presiden MIC, Datuk K Kumaran, pula berkata selain tindakan kepada penerima, MIC mahu kerajaan mengenakan hukuman yang sama berat kepada pemberi rasuah.

"Rakyat yang ada maklumat mengenai gejala itu juga perlu melaporkannya kepada pihak berkuasa. Saya setuju 100 peratus dengan tindakan kerajaan membanteras rasuah tanpa mengira parti, pangkat, jawatan dan kedudukan

kerana perbuatan itu boleh menjatuhkan imej serta mengancam negara," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang, berkata beliau akan memohon untuk menemui Anwar bagi menyatakan sokongan terhadap usaha memerangi rasuah.

Beliau yakin usaha murni itu dapat membersihkan kerajaan daripada pemimpin dan kakitangan yang tidak bermaruah.

"Kenyataan Anwar bahawa Perdana Menteri turut menyokong tindakan tegas itu membuktikan ia bukan diputuskan oleh Pemangku Perdana Menteri sahaja malah mendapat restu dan sokongan Dr Mahathir," katanya.

Di Kuala Terengganu, Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, berkata BN Terengganu akan lebih berhati-hati dalam menyenaraikan calon yang akan bertanding dalam pilihan raya akan datang.

Beliau berkata, hanya mereka yang layak dan bersih daripada rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa akan diserahkan kepada pucuk pimpinan parti untuk dipilih bertanding dalam pilihan raya.

(END)